

PERASMIAN PROGRAM PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (E-WASTE) KWSP

25 Oktober 2022 – Alor Setar, Kedah

Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menganjurkan Program Pengumpulan E-Waste bertempat di Bangunan KWSP Alor Setar, Kedah.

Program dirasmikan oleh Encik Mohd Majdy Mohd Said, Ketua Cawangan KWSP Alor Setar dan telah dihadiri oleh kakitangan agensi ini.

Program yang pertama kali dianjurkan oleh KWSP Alor Setar bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada kakitangan agensi berkenaan tentang kepentingan amalan pengumpulan E-Waste serta kesannya kepada alam sekitar. Program ini juga akan dijadikan acara tahunan sebagai sumbangan dalam pemuliharaan alam sekitar.

Semoga program ini dapat meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan alam sekitar di kalangan komuniti agensi ini serta dapat mewujudkan masyarakat yang perihatin kepada alam sekitar.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahan Iklim

#JabatanAlamSekitar

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

#jaskedah

